

• Perlu mahir e-dagang

ICT hadapi gelombang niaga baharu



NORMA BAHARU PKPP... Walaupun kehidupan di negara ini memasuki fasa pemulihan akibat penularan Covid-19, namun orang ramai dinasihatkan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan kendiri yang tinggi ketika tinjauan di sekitar ibu kota, semalam. • Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) halal perlu membuat persediaan sewajarnya bagi menghadapi gelombang perniagaan baharu yang menyaksikan ekonomi digital menjadi trend

ekonomi masa depan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr. Suhaimi Ab

Rahman berkata, ini termasuk memastikan mereka mahir dalam aspek perniagaan e-dagang selain cekap menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan.

"Data menunjukkan hanya 20 peratus PKS bumiputera menceburi bidang ekonomi digital. Ini bermakna PKS bumiputera termasuk PKS halal masih ketinggalan jauh dan perlu bertindak segera bagi memastikan mereka dapat menceburi bidang ekonomi digital ini," katanya dalam kolum Tinta Minda di laman sesawang www.bernama.com.

Atas alasan itu, Suhaimi berkata, agensi kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menyediakan pelbagai latihan berkaitan ekonomi digital yang perlu dimanfaatkan oleh usahawan PKS terbabit. - Bernama